

Proton mungkin berkubur

— Kee Soon

UM 16 SEP 2003

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) menghadapi kemungkinan 'berkubur' jika kerajaan tidak mengenakan duti eksais ke atas kereta import, selepas pembukaan pasaran serantau pada tahun 2005.

Pelindungan dalam bentuk duti eksais bagaimanapun tidak dapat bertahan lama dan pembuat kereta nasional itu perlu bergabung dengan mana-mana gergasi industri automobil dunia, Naib Presiden Badan Akauntan Awam Bertauliah (CPA) Australia, Lam Kee Soon.

"Industri kenderaan sememangnya perlu mempunyai saiz operasi untuk berkembang dan Proton yang belum lagi menempa nama di peringkat antarabangsa setelah wujud hampir 20 tahun, perlu bergabung atau menghadapi kemungkinan berkubur," kata beliau.

Pengurangan

Beliau berkata demikian semasa sidang media CPA yang diadakan di sini, hari ini sempena pengumuman Bajet 2004 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari Jumaat lalu.

Dalam ucapan bajetnya, Dr. Mahathir berkata, harga kereta import tidak akan turun kerana kerajaan akan mengenakan duti eksais yang hampir setara dengan pengurangan duti import.

Kee Soon menambah, bajet yang diumumkan itu, mampu membawa kepada pertumbuhan ekonomi antara 4.5 hingga 4.8 peratus pada tahun tersebut.

Katanya, melalui pengkorporatan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Felda, kerajaan berharap sektor swasta akan menjadi penjana utama pertumbuhan ekonomi negara selepas ini.